

04 DEC 1997

Mahathir-Untung

JANGAN AMBIL UNTUNG BERLEBIHAN, KATA MAHATHIR KEPADA PENIAGA

LANGKAWI, 4 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada masyarakat peniaga daripada mengaut untung berlebihan sehingga menjejaskan ekonomi negara.

Mereka sepatutnya mengambil untung yang sedikit tetapi mengeluarkan barangan secara besar-besaran, katanya.

"Jika mereka mengaut untung berlebihan mereka akan terus menjatuhkan nilai ringgit dan ia akan menjadi lebih serius," kata Perdana Menteri selepas menepung tawar kapal pelancongan jenis catamaran -- Superstar Express Langkawi di sini.

Katanya jika inilah senarionya, mereka akan rugi.

Perdana Menteri berkata mereka sepatutnya menetapkan harga barangan mereka pada kadar rendah seperti sebelum nilai ringgit merosot.

Nilai ringgit dan beberapa mata wang negara Asean jatuh berbanding dollar Amerika selepas bhat Thai ddiapungkan pada 2 Julai tahun ini.

Dr Mahathir yang berada di sini menghadiri Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) `97 berkata jika mereka mahu terus berjaya dalam perniagaan, mereka harus melabur secara besar-besaran.

Beliau menggesa mereka supaya berkorban untuk kebaikan rakyat dan negara.

"Apa yang penting ialah bagi kita menetapkan harga pada kadar yang rendah," katanya.

Perdana Menteri berkata adalah menjadi tanggungjawab peniaga untuk tidak menaikkan harga barangan secara sembarangan.

Beliau juga menggesa mereka supaya memikirkan prospek jangka panjang dan bukan hanya untuk membuat keuntungan segera.

"Malaysia sentiasa memikirkan masa depan. Kita memandang ke hadapan bukan untuk sepanjang hayat kita tetapi bagi anak-anak dan cucu kita. Disebabkan ini kita mempunyai Wawasan 2020," katanya. -- BERNAMA

ES MOK RON